

**Dr Mahathir
merasmikan
Kempen
Pemilikan Rumah
(HOC) di Pusat
Konvensyen Kuala
Lumpur (KLCC),
semalam.**



'SATU JUTA RUMAH MAMPU MILIK'

Semua pihak mesti komited

BH-2/3/2019 m/s: 2

➔ Dr Mahathir gesa negeri, pengusaha industri, swasta main peranan realisasi agenda

**Oleh Junita Mat Rasid
dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my**

▮ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa semua pihak, termasuk kerajaan negeri supaya saling bertanggungjawab dalam merealisasikan agenda 'satu juta rumah mampu milik', bukan hanya menyerahkannya kepada Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri mengingatkan, semua pihak perlu melaksanakan komitmen masing-masing, terutama dari segi penyediaan tanah bagi tujuan berkenaan termasuk kerjasama pe-

maju swasta dalam menyediakan keperluan terbabit dan sedia melabur dalam pembangunan rumah untuk rakyat.

"Pengusaha industri perumahan juga berpeluang melabur dalam teknologi baharu pembinaan rumah kerana sudah ada kilang bahan binaan rumah mampu milik dan dipasang dengan cepat," katanya berucap merasmikan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini semalam.

HOC antara inisiatif kerjasama kerajaan dan swasta untuk memperluas dan menyelaras akses rakyat kepada kediaman mampu milik. Ia yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam, menawarkan rumah berharga di bawah RM300,000.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan data pusat maklumat harta tanah negara, bilangan kediaman yang tidak terjual pada suku ketiga 2018 adalah sebanyak 40,916 unit bernilai keseluruhan RM27.38 bilion jika mengambil kira pangsapuri servis dan pejabat kecil pejabat rumah (SOHO).

"Kerajaan berharap melalui

ekspo ini, kebanyakan kediaman tidak terjual dapat dipadankan dengan pembeli bersesuaian yang berhasrat memiliki rumah, sekali gus merancarkan aktiviti jual beli hartanah kediaman bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Jamin rumah mencukupi

Mengulangi jaminan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) komited memastikan penyediaan rumah mencukupi selaras Dasar Perumahan Negara yang dilancar 8 Januari lalu, beliau bagaimanapun mengakui kerajaan berdepan cabaran bagi menyediakan seberapa banyak rumah mampu milik kepada rakyat di bandar seluruh negara.

"Inilah kedudukannya sekarang dan cabaran yang kerajaan hari ini hadapi ialah untuk menyediakan seberapa banyak rumah mampu milik bagi rakyat di bandar di sekitar negara kita," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, kemajuan sesebuah negara tidak bermakna sekiranya rakyat masih tinggal di rumah daif dan tidak mencapai piawaian mi-

nimum perumahan.

"Kerajaan amat memahami harga rumah tidak seperti dahulu. Harga rumah murah masa lalu sekitar RM25,000, namun harga rumah yang sama kini boleh mencecah sehingga RM130,000, bahkan lebih lagi. Ini memberi gambaran bahawa nilai rumah, walaupun asalnya rumah murah, telah meningkat," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin pembelian atau pemilikan rumah tetap menjadi pelaburan yang bijak dan amat bermanfaat untuk jangka panjang.

"Apabila sewa meningkat dengan mendadak, membeli rumah adalah pilihan yang baik kerana lebih baik bayaran sewa bulanan itu menjadi bayaran ansuran. Dengan itu, wang yang diguna untuk bayaran ansuran memastikan pemilikan dan tidak seperti bayaran sewa bulanan," katanya.

Perdana Menteri berpendapat harga rumah mampu milik di pasaran harus berada dalam lingkungan bawah RM300,000 seunit, selaras taraf ekonomi penduduk yang telah meningkat.